

Serangan pusat fisioterapi di selatan Gaza bukti kekejaman

Kuala Lumpur: Tun Dr Mahathir Mohamad mendakwa tindakan tentera Israel menyerang Pusat Fisioterapi Dr Siti Hasmah dan Enaya yang terletak di selatan Gaza di Palestin, sebagai bukti operasi rejim zionis menyasarkan pembunuhan orang awam.

Mengakui hiba dengan nasib pusat fisioterapi di Khan Younis itu yang musnah dalam siri serangan pada 7 November lalu, bekas Perdana Menteri itu berkata, ia antara lain jelas mempamerkan sikap rejim Zionis yang cakap tak serupa bikin.

Katanya, sebelum ini Israel sudah pun memaklumkan bahawa mereka tidak akan menyasarkan selatan Gaza.

Justeru, beliau menampelak tindakan rejim zionis yang mengebom pusat fisioterapi berkenaan biarpun kawasan selatan Gaza tidak memberi sebarang ancaman kepada tentera Israel.

"Ia bukan lagi perang antara tentera, sebaliknya bertukar kepada genosid (pembunuhan beramai-ramai) oleh tentera Israel bagi menyingkirkan penduduk Palestin dari Gaza.

"Pengeboman hospital, kediaman dan kini pusat fisioterapi, membuktikan Israel menyasarkan kemudahan ini secara sengaja dan dengan niat.

"Justeru, apa yang kita boleh lakukan ketika ini adalah mem-

bantah dan berdoa supaya rakyat Palestin dihindarkan daripada kekejaman Israel.

"Sekutu Israel, terutama Amerika Syarikat (AS) dan United Kingdom (UK) terus membenarkan menyokong kebiadaban Israel," katanya melalui muat naik di Facebook.

Mengulas mengenai nasib Pusat Fisioterapi Dr Siti Hasmah dan Enaya, Mahathir yang juga bekas Ahli Parlimen Langkawi berkata, ia cukup tragik lebih-lebih lagi apabila empat individu daripada lima keluarga Palestin yang berteduh di fasiliti berkenaan maut dalam serangan itu.

"Mereka berteduh di situ selepas rumah masing-masing mus-

nah akibat serangan sebelumnya.

"Hospital ini sangat dekat di hati saya. Yayasan Keamanan Global Perdana (PGPF) yang turut dianggotai saya, terbabit secara langsung dalam pembinaannya sejak awal.

"PGPF bersama Humanitarian Care Malaysia, Muslim Care Malaysia, Media Prima Humanitarian Fund dan Persatuan Amal untuk Bantuan Palestin membantu membinaannya dan beroperasi sejak 2019," katanya.

Dalam pada itu, Mahathir menyatakan beliau berkabung susulan insiden pengeboman, kemusnahan hospital dan pusat perlindungan lain di Gaza, sebelum ini.



Dr Mahathir Mohamad